

87

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM**

**TARIKH : 5 APRIL 2018**

**SOALAN : NO. 42**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini isu skim perjawatan pensyarah politeknik terutamanya yang memiliki PHD kerana dikhuatiri ianya akan menjejaskan usaha Kementerian untuk memperkasakan pendidikan TVET bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) atau lebih dikenali sebagai pensyarah politeknik dan kolej komuniti telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2008 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 33 Tahun 2007.

Skim ini mengguna pakai kaedah kenaikan pangkat dalam skim PPPT tanpa mengira kekosongan melalui kriteria kecemerlangan yang ditetapkan. Kelayakan PhD hanyalah satu kelebihan yang diambilkira dengan pemberatan markah bonus dalam kriteria kecemerlangan ini. Pensyarah Politeknik yang mempunyai ijazah PhD biasanya diberi keutamaan dalam pelantikan sebagai Ketua Jabatan dan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi.

Skim PPPT juga sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa dan terkini skim ini telah ditambah baik mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016 Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di bawah Sistem Saraan Malaysia berkuatkuasa 1 Julai 2016. Melalui pekeliling berkenaan, gred kenaikan pangkat ke gred DH40 sehingga ke gred Jusa C serta penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi.

Sehingga kini, bilangan pensyarah politeknik yang memiliki PhD adalah seramai 105 orang dengan menggunakan kemudahan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan yang hanya layak diterima oleh politeknik yang menunjukkan kecemerlangan dalam pembangunan institusi politeknik.

Insentif yang diberikan kepada pensyarah politeknik ini membuktikan komitmen KPT untuk memperkembangkan kemajuan kerjaya pensyarah politeknik sebagai penyumbang kepada pembentukan graduan TVET yang mampu menjadi bakat terbaik negara selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.